

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.11.2025 MASA: 6:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

BENGKEL SEBERANG PERAI CORPORATE PRIORITIES 2026
BERSAMA AHLI MAJLIS
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

03 DISEMBER 2025 (RABU)
8:30 PAGI

THE LIGHT HOTEL SEBERANG JAYA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia

MADANI

Yang Berusaha Barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, yang saya kasihi Ketua-Ketua Jabatan dan semua pegawai-pegawai yang hadir ke Bengkel *Seberang Perai Corporate Priorities 2026*.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir dalam Bengkel Seberang Perai Corporate Priorities (SPCP) 2026, yang merupakan platform penting untuk kita menyelaraskan hala tuju strategik Majlis dalam memastikan pembangunan Seberang Perai berjalan secara mampan, terancang dan berimpak tinggi.

Bengkel ini bukan sekadar sesi perbincangan, tetapi medan untuk kita menetapkan keutamaan, menjana idea dan memperkukuh tadbir urus demi manfaat rakyat Seberang Perai.

Hari ini merupakan satu *turning point* yang akan menentukan bagaimana Seberang Perai akan dicorakkan untuk 5 tahun yang akan datang. Ianya merupakan satu wadah penting untuk kita menyusun langkah, memperkukuh

visi, misi dan memperhalusi hala tuju organisasi agar terus relevan, berdaya saing dan berimpak tinggi dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Ketua-Ketua Jabatan bersama pegawai-pegawai kanan telah bersama-sama brainstorming dan menentukan beberapa perkara yang perlu dilihat untuk SPCP 2026 pada 4 dan 5 November 2025 baru-baru ini. Beberapa perkara yang diambil kira dalam pembentukan SPCP 2026 ialah:

- i. Isu atau aduan daripada Ahli Majlis .
- ii. Aduan orang awam. Statistik aduan yang dibentangkan di dalam Mesyuarat aduan dua (2) kali setahun itu.
- iii. Permasalahan yang timbul di jabatan dan mencari kaedah baru bekerja iaitu dengan penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) sebagai membantu organisasi dalam memangkin kepada keberkesanan operasi dan perkhidmatan. Kita mahu teknologi menjadi alat yang memudahkan, bukan belenggu yang mengikat. Kita mahu data menjadi panduan bijak, bukan sekadar angka kosong. Dan di sinilah MBSP perlu mengubah cara kita menguruskan data supaya data-data kita amat berguna untuk kemudahan kita.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian,

Bagi Tahun 2026, fokus dan penekanan saya kali ini menjurus kepada tiga (3) perkara utama iaitu:

- i. Kecekapan Perkhidmatan

- ii. Pemantapan Penguatkuasaan
- iii. Peningkatan Hasil Organisasi

Justeru, bagi tahun 2026 akan ada 131 program dan 152 aktiviti yang telah disusun. Walau bagaimanapun, ada 11 program yang saya ingin ringkaskan untuk makluman semua iaitu:

- i. Pigeon Range
- ii. Flood Hazard Mapping
- iii. Program Pemetaan dan Cadangan Penyuaran Lalulintas Seberang Perai
- iv. Pemodenan Teknologi dan Pendigitalan Proses Semakan dan Kelulusan Pelan
- v. Pemantapan Trasformasi Digital dalam proses Perancangan Bandar
- vi. Penyediaan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan di bawah Seksyen 35 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- vii. Peningkatan hasil bukan cukai melalui bangunan terbiar MBSP
- viii. Inisiatif Mesra Usahawan (Tagging Penjaja)
- ix. Lesen Perniagaan Sementara (SEMESRA)
- x. Penguatkuasaan yang Efisien (Hotspot Premis Warga Asing)
- xi. Pelaksanaan Program SPEED 2.0

Secara ringkasnya, dengan segala program yang disenaraikan ini, SPCP 2026 menggariskan tiga tonggak utama bagi memastikan Seberang Perai terus maju ke hadapan:

Tadbir Urus:

- Kecekapan proses, integriti dan pematuhan menjadi keutamaan dalam setiap fungsi Majlis.

Teknologi:

- Memanfaatkan AI, digitalisasi dan data raya bagi mempercepat keputusan serta meningkatkan ketepatan maklumat.

Ekonomi:

- Memperkukuh ekosistem perniagaan melalui penyediaan lesen yang cekap, sokongan kepada peniaga dan persekitaran bandar yang kondusif.

Semua tonggak ini adalah pelengkap antara satu sama lain dan menjadi asas kepada misi kita membina Seberang Perai yang lebih mampan dan berdaya saing. Kejayaan Organisasi bukan hasil kerja satu pihak, tetapi hasil sinergi, komunikasi dan kerjasama semua Ahli-Ahli Majlis dan Ketua- Ketua Jabatan yang bergerak seiring menjadikan MBSP sebuah organisasi **Services – Ready, Action Oriented.**

Sekian, terima kasih, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*